



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**FAKTOR PENENTU TINGKAH LAKU HIJAU DI PEJABAT DALAM  
KALANGAN PENJAWAT AWAM DI WILAYAH PERSEKUTUAN  
PUTRAJAYA**

**NORJUMAATON FAZHANI RAZAK**

**FEM 2020 9**



**FAKTOR PENENTU TINGKAH LAKU HIJAU DI PEJABAT  
DALAM KALANGAN PENJAWAT AWAM DI WILAYAH  
PERSEKUTUAN PUTRAJAYA**

Oleh

**NORJUMAATON FAZHANI RAZAK**

**Tesis Dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah,  
Universiti Putra Malaysia, Sebagai Memenuhi Keperluan Untuk  
Ijazah Master Sains**

**Oktober 2019**

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain adalah hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersial daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersial bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hakcipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia  
sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

**FAKTOR PENENTU TINGKAH LAKU HIJAU DI PEJABAT DALAM  
KALANGAN PENJAWAT AWAM DI WILAYAH PERSEKUTUAN  
PUTRAJAYA**

Oleh

**NORJUMAATON FAZHANI RAZAK**

**Oktober 2019**

**Pengerusi : Mohamad Fazli Bin Sabri, PhD**  
**Fakulti : Ekologi Manusia**

Pertumbuhan hijau merupakan salah satu fokus utama bagi Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11) bagi membolehkan Malaysia beralih daripada pembangunan konvensional kepada pertumbuhan ekonomi hijau yang mampan. Memandangkan sektor awam merupakan jentera utama kerajaan yang akan melaksanakan program dan strategi pertumbuhan ekonomi hijau dalam negara, maka perubahan tingkah laku hijau dalam kalangan penjawat awam perlu diberikan perhatian. Oleh yang demikian, kajian ini dilakukan bertujuan untuk mengenal pasti faktor penentu yang mempengaruhi tingkah laku hijau di pejabat dalam kalangan penjawat awam di W.P. Putrajaya. Seramai 460 orang responden di lima kementerian dipilih menerusi kaedah persampelan sistematik sebagai sampel kajian. Analisis deskriptif menunjukkan responden memiliki tahap pengetahuan terhadap tingkah laku hijau, tahap norma subjektif, tahap tanggapan kawalan tingkah laku, tahap niat untuk tingkah laku hijau dan tahap tingkah laku hijau di pejabat yang tinggi serta sikap terhadap tingkah laku hijau yang positif. Analisis Korelasi Pearson pula menunjukkan terdapat hubungan yang positif dan signifikan di antara pengetahuan terhadap tingkah laku hijau di pejabat, sikap terhadap tingkah laku hijau, norma subjektif, tanggapan kawalan tingkah laku dan niat untuk tingkah laku hijau terhadap tingkah laku hijau di pejabat. Manakala, ujian Regresi Hirarki mendapati niat untuk tingkah laku hijau di pejabat mempunyai peranan sebagai pengantara di antara tanggapan kawalan tingkah laku dan tingkah laku hijau di pejabat dalam kalangan penjawat awam. Berdasarkan analisis Regresi Pelbagai pula, kesemua pemboleh ubah menjelaskan sebanyak 27.4% varians di mana norma subjektif, niat untuk tingkah laku hijau dan pengetahuan terhadap tingkah laku hijau dikenal pasti sebagai faktor penentu yang mempengaruhi tingkah laku hijau di pejabat dalam kalangan penjawat awam di W.P. Putrajaya.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in  
fulfilment of the requirement for the degree of Master of Science

**FACTORS DETERMINING GREEN WORKPLACE BEHAVIOUR AMONG  
GOVERNMENT'S CIVIL SERVICE EMPLOYEE IN FEDERAL TERRITORY  
OF PUTRAJAYA**

By

**NORJUMAATON FAZHANI RAZAK**

October 2019

**Chairman : Mohamad Fazli Bin Sabri, PhD**  
**Faculty : Human Ecology**

Green growth is one of the key focus areas for the 11th Malaysia Plan to enable Malaysia to change from conservative development to sustainable green economic growth. Since civil servants are the front line of the government force that will implement programs and strategies for green economic growth in the country, the change in green behaviour among civil servants would be the main focus in this research. Therefore, this study was conducted to identify the determinants that affect green workplace behaviour among civil servants in Federal Territory of Putrajaya. The questionnaires were distributed to 460 civil servants selected through a systematic sampling method in five ministries in Federal Territory of Putrajaya. Descriptive analysis showed that the respondents have a high level of green behaviour knowledge, subjective norms, perceived behaviour control, green workplace intention, green workplace behaviour and positive attitude towards green workplace behaviour. Pearson correlation analysis also showed that there was a positive and significant relationship between green behaviour knowledge, attitude towards green workplace behaviour, subjective norms, perceived behaviour control, green workplace intention and green workplace behaviour. Regression Hierarchy test found that green workplace intention as a mediator between the perceived behaviour control and green workplace behaviour among civil servants. Based on Multiple Regression analysis, all variables explain 27.4% variance and subjective norms, green workplace intention and green behaviour knowledge were identified as a determinants factor of green workplace behaviour among civil servants in Federal Territory of Putrajaya. Hence, an intensive effort must be continued by the government to nourish green culture in government sector so that green behaviour changes among civil servants will catalyze green growth in the country.

## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah SWT yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Puji dan syukur ke hadrat Allah yang tidak terhitung nikmat-Nya. Selawat dan salam kepada Nabi Muhammad SAW yang menjadi rahmat buat sekalian alam.

Alhamdulillah, dengan limpah kurnia-Nya serta keizinan-Nya, tesis ini akhirnya berjaya disiapkan. Setulus penghargaan dan jutaan terima kasih diucapkan kepada Prof. Madya Dr. Mohamad Fazli bin Sabri selaku Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan yang telah banyak memberikan bimbingan, tunjuk ajar dan membantu menyiapkan tesis ini. Terima kasih juga saya ucapkan kepada Dr. Norzalina Zainudin selaku Ahli Jawatankuasa Penyeliaan yang telah banyak memberikan panduan dan tunjuk ajar. Saya juga ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada Prof. Madya Dr. Syuhaily Osman, Puan Norfariza Hasnan dan En. Mohd Haziman Ghani dalam menjayakan kajian ini. Setinggi penghargaan dan terima kasih kepada Jabatan Perkhidmatan Awam di atas penajaan Hadiah Latihan Persekutuan bagi menyiapkan tesis ini. Tidak dilupakan juga kepada para pensyarah dan staf di Jabatan Pengurusan Sumber dan Pengajian Pengguna, Fakulti Ekologi Manusia yang turut memberi dorongan.

Teristimewa buat ayahbonda iaitu Tuan Haji Razak Che Teh dan Puan Hajah Aishah Saufi, suami, Encik Faez Rezal Mokhtar, anakanda Fareesh Mikael, anakanda Rania Hani dan adik beradik terutamanya adinda Syareena Izani di atas segala dorongan, pengorbanan dan iringan doa yang diberikan sepanjang tempoh pengajian ini. Terima kasih juga buat semua rakan sejawat yang turut membantu dalam menyiapkan tesis ini. Bantuan dan jasa baik yang dicurahkan amat dihargai. Semoga bantuan yang disumbangkan kalian mendapat keredhaan Allah SWT.

Tesis ini dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan Ijazah Masters Sains. Ahli Jawatankuasa Penyaliaan adalah seperti berikut:

**Mohamad Fazli bin Sabri, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Norzalina binti Zainuddin, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**ZALILAH BINTI MOHD SHARIFF, PhD**

Profesor dan Timbalan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

## Perakuan Pelajar Siswazah

Saya memperakui bahawa:

- Tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- Setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- Tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- Hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah–Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah–Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012–2013) dan Kaedah–Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: \_\_\_\_\_ Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik: \_\_\_\_\_



## Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan

Dengan ini diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: \_\_\_\_\_  
Nama Pengerusi  
Jawatankuasa  
Penyeliaan: \_\_\_\_\_

Tandatangan: \_\_\_\_\_  
Nama Ahli  
Jawatankuasa  
Penyeliaan \_\_\_\_\_

## ISI KANDUNGAN

### Muka surat

<b>ABSTRACT</b>	i
<b>ABSTRAK</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>PENGESAHAN</b>	iv
<b>PERAKUAN</b>	vi
<b>SENARAI JADUAL</b>	xii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xiv
<b>SENARAI GLOSARI</b>	xv

### BAB

<b>1</b>	<b>Pengenalan</b>	
1.1	Latar Belakang Kajian	1
1.2	Kenyataan Masalah	4
1.3	Persoalan Kajian	9
1.4	Objektif Kajian	10
1.4.1	Objektif Umum	10
1.4.2	Objektif Khusus	10
1.5	Hipotesis Kajian	10
1.6	Skop Kajian	11
1.7	Limitasi Kajian	12
1.8	Kepentingan Kajian	12
1.8.1	Kerajaan	12
1.8.2	Pengguna	13
1.8.3	Ilmiah	13
1.9	Definisi Istilah	13
1.9.1	Penjawat Awam	13
1.9.2	Tingkah Laku Hijau di Pejabat	14
1.9.3	Niat Untuk Tingkah Laku Hijau	14
1.9.4	Sikap Terhadap Tingkah Laku Hijau	14
1.9.5	Norma Subjektif	14
1.9.6	Tanggapan Kawalan Tingkah Laku	14
1.9.7	Pengetahuan Terhadap Tingkah Laku Hijau	15
1.10	Rumusan	15
<b>2</b>	<b>Sorotan Literatur</b>	16
2.1	Pengenalan	16
2.2	Tingkah Laku Hijau	19
2.2.1	Tingkah Laku Hijau di Pejabat	19
2.3	Faktor Tingkah Laku Hijau di Pejabat	20
2.3.1	Pengetahuan	21
2.3.2	Sikap Terhadap Tingkah Laku Hijau	22
2.3.3	Norma Subjektif	24
2.3.4	Tanggapan Kawalan Tingkah Laku	25

	2.3.5	Niat Untuk Tingkah Laku Hijau	26
	2.3.6	Niat Sebagai Pengantara	27
2.4		Teori Tingkah Laku Terancang	28
2.5		Kerangka Kajian	30
2.6		Rumusan	32
<b>3</b>		<b>METODOLOGI</b>	<b>33</b>
3.1		Deskripsi Data	33
3.2		Populasi dan Kaedah Persampelan	33
3.3		Saiz Sampel	34
3.4		Pengumpulan Data	35
3.5		Pembinaan Instrumen Kajian	36
	3.5.1	Latar Belakang Responden	37
	3.5.2	Sikap Terhadap Tingkah Laku Hijau	37
	3.5.3	Norma Subjektif	37
	3.5.4	Tanggapan Kawalan Tingkah Laku	38
	3.5.5	Niat Untuk Tingkah Laku Hijau	39
	3.5.6	Pengetahuan Terhadap Tingkah Laku Hijau	40
	3.5.7	Tingkah Laku Hijau di Pejabat	41
	3.5.8	Ringkasan Pengukuran	42
3.6		Kajian Rintis	43
3.7		Kebolehpercayaan Instrumen	43
3.8		Kesahan Kandungan	44
3.9		Analisis Penerokaan Data	45
	3.9.1	Ujian Kenormalan	46
	3.9.2	Ujian <i>Homoscedasticity</i>	46
	3.9.3	Ujian Hubungan Linear	46
	3.9.4	Ujian <i>Multicollinearity</i>	47
3.10		Analisis Data	48
	3.10.1	Statistik Deskriptif	48
	3.10.2	Pengukuran Tahap	49
	3.10.3	Statistik Inferensi	50
3.11		Ringkasan Analisis Statistik	53
3.12		Rumusan	54
<b>4</b>		<b>HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN</b>	<b>55</b>
4.1		Maklumat Latar Belakang	55
4.2		Sumber Maklumat	57
4.3		Sikap Terhadap Tingkah Laku Hijau	58
	4.3.1	Tahap Sikap Terhadap Tingkah Laku Hijau	59
4.4		Norma Subjektif	60
	4.4.1	Tahap Norma Subjektif	62
4.5		Tanggapan Kawalan Tingkah Laku	63
	4.5.1	Tahap Tanggapan Kawalan Tingkah Laku	65
4.6		Niat Untuk Tingkah Laku Hijau	66
	4.6.1	Tahap Niat Untuk Tingkah Laku Hijau	68
4.7		Pengetahuan Terhadap Tingkah Laku Hijau	68

4.7.1	Tahap Pengetahuan Terhadap Tingkah Laku Hijau	70
4.8	Tingkah Laku Hijau di Pejabat	71
4.8.1	Tahap Tingkah Laku Hijau di Pejabat	73
4.9	Pengujian Hipotesis Kajian	73
4.9.1	Menentukan hubungan antara pengetahuan terhadap tingkah laku hijau, sikap terhadap tingkah laku hijau, norma subjektif, tanggapan kawalan tingkah laku, niat untuk tingkah laku hijau dengan tingkah laku di pejabat dalam kalangan penjawat awam di W.P. Putrajaya.	74
4.9.2	Mengukur kesan pengantara niat untuk tingkah laku hijau di pejabat terhadap hubungan sikap terhadap tingkah laku hijau, norma subjektif dan tanggapan kawalan tingkah laku dengan tingkah laku hijau di pejabat dalam kalangan penjawat awam di W.P. Putrajaya.	77
4.9.3	Menentukan sama ada faktor pengetahuan terhadap tingkah laku hijau, sikap terhadap tingkah laku hijau, norma subjektif, tanggapan kawalan tingkah laku, niat untuk tingkah laku mempengaruhi tingkah laku hijau di pejabat dalam kalangan penjawat awam di W.P. Putrajaya.	83
4.10	Rumusan	85
<b>5</b>	<b>RUMUSAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN</b>	<b>88</b>
5.1	Ringkasan Kajian	88
5.2	Rumusan	89
5.2.1	Mengukur tahap pengetahuan terhadap tingkah laku hijau, sikap terhadap tingkah laku hijau, norma subjektif, tanggapan kawalan tingkah laku, niat untuk tingkah laku hijau dan tingkah laku hijau di pejabat dalam kalangan penjawat awam di W.P. Putrajaya.	89
5.2.2	Menentukan hubungan antara pengetahuan terhadap tingkah laku hijau, sikap terhadap tingkah laku hijau, norma subjektif, tanggapan kawalan tingkah laku, niat untuk tingkah laku hijau dan tingkah laku hijau di pejabat dalam kalangan penjawat awam di W.P. Putrajaya.	89
5.2.3	Mengukur kesan pengantara niat untuk tingkah laku hijau terhadap hubungan sikap terhadap tingkah laku hijau, norma	90

	subjektif dan tanggapan kawalan tingkah laku dengan tingkah laku hijau di pejabat dalam kalangan penjawat awam di W.P. Putrajaya.	
5.2.4	Menentukan sama ada faktor pengetahuan tingkah laku hijau, sikap terhadap tingkah laku hijau, norma subjektif, tanggapan kawalan tingkah laku, niat tingkah laku mempengaruhi tingkah laku hijau di pejabat dalam kalangan penjawat awam di W.P. Putrajaya.	91
5.3	Sumbangan Kajian	92
5.4	Implikasi Kajian	93
5.4.1	Implikasi Terhadap Kerajaan	93
5.4.2	Implikasi Terhadap Bidang Ilmiah	95
5.4.3	Implikasi Terhadap Pengguna	96
5.5	Cadangan Kajian Masa Hadapan	96
5.6	Rumusan	97
<b>RUJUKAN</b>		<b>98</b>
<b>LAMPIRAN</b>		<b>111</b>
<b>BIODATA PELAJAR</b>		<b>124</b>
<b>SENARAI PENERBITAN</b>		

## SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat	
3.1	Penentuan Saiz Sampel	35
3.2	Kadar Maklum Balas Responden	36
3.3	Kandungan Borang Soal Selidik	37
3.4	Item Instrumen Seksyen B	37
3.5	Item Instrumen Seksyen C	38
3.6	Item Instrumen Seksyen D	39
3.7	Item Instrumen Seksyen E	40
3.8	Item Instrumen Seksyen F	41
3.9	Item Instrumen Seksyen G	42
3.10	Ringkasan Pengukuran	43
3.11	Analisis Kebolehpercayaan	44
3.12	Pemurnian Borang Soal Selidik	46
3.13	Ujian Kenormalan	46
3.14	Keputusan Ujian <i>Multicollinearity</i>	48
3.15	Formula Pengiraan <i>Posibble Score</i>	49
3.16	Penetapan Pengukuran Tahap Mengikut Pemboleh Ubah	50
3.17	Interpretasi Nilai Kolerasi	51
3.18	Ringkasan Analisis Statistik	54
4.1	Profil Responden (n=460)	56
4.2	Sumber Maklumat Responden	57
4.3	Tingkah Laku Kitar Semula	58
4.4	Sikap Terhadap Tingkah Laku Hijau	59
4.5	Tahap Sikap Terhadap Tingkah Laku Hijau	60
4.6	Norma Subjektif	61
4.7	Tahap Norma Subjektif	63
4.8	Tanggapan Kawalan Tingkah Laku	64
4.9	Tahap Tanggapan Kawalan Tingkah Laku	66

4.10	Niat Untuk Tingkah Laku Hijau	67
4.11	Tahap Niat Untuk Tingkah Laku Hijau	68
4.12	Pengetahuan Terhadap Tingkah Laku Hijau	69
4.13	Tahap Pengetahuan Terhadap Tingkah Laku Hijau	70
4.14	Tingkah Laku Hijau di Pejabat	72
4.15	Tahap Tingkah Laku Hijau di Pejabat	73
4.16	Senarai Hipotesis Pertama untuk Objektif Kedua Kajian.	74
4.17	Keputusan Ujian Kolerasi di antara Pengetahuan Terhadap Tingkah Laku Hijau, Sikap Terhadap Tingkah Laku Hijau, Norma Subjektif, Tanggapan Kawalan Tingkah Laku, Niat Untuk Tingkah Laku Hijau dan Tingkah Laku Hijau di Pejabat	77
4.18	Senarai Hipotesis Kedua untuk Objektif Ketiga Kajian	77
4.19	Keputusan Ujian Regresi ke atas Niat Untuk Tingkah Laku Hijau	79
4.20	Keputusan Ujian Regresi ke atas Tingkah Laku Hijau	80
4.21	Keputusan Ujian Regresi di antara Niat Tingkah Laku Hijau dan Tingkah Laku Hijau di Pejabat	80
4.22	Keputusan Ujian Regresi dengan Niat Untuk Tingkah Laku Hijau sebagai Pengantara	82
4.23	Keputusan Ujian Regresi Pelbagai ke atas Tingkah Laku Hijau di Pejabat	83
4.24	Ringkasan Keputusan Ujian Hipotesis	86

## SENARAI RAJAH

<b>Rajah</b>		<b>Muka surat</b>
2.1	Teori Tingkah Laku Terancang	29
2.2	Kerangka Konseptual Kajian	31
3.1	Carta Alir Kaedah Persampelan Bersistematik	34
3.2	Perhubungan Pemboleh Ubah dan Pengantara	52





## SENARAI GLOSARI

ANOVA	<i>Analysis of Variance</i>
CETREE	Pusat Pendidikan dan Latihan Tenaga Boleh Baharu, Kecekapan Tenaga & Teknologi Hijau
DV	<i>Dependent Variable</i> (Pemboleh Ubah Bersandar)
EPU	<i>Economic Planning Unit</i>
GreenTech Malaysia	<i>Green Technology Corporation</i>
IV	<i>Independent Variable</i> (Pemboleh Ubah Tidak Bersandar)
KMO	<i>Kaiser Meyer-Olkin</i>
NGO	<i>Non-governmental Organization</i> (Badan Bukan Kerajaan)
NRE	Kementerian Alam Sekitar dan Sumber Asli
MESTECC	Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim
RMK-9	Rancangan Malaysia Kesembilan
RMK-10	Rancangan Malaysia Kesepuluh
RMK-11	Rancangan Malaysia Kesebelas
SDG	<i>Sustainable Development Goal</i>
SPA	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
SPPS	<i>Statistical Package Social Science</i>
VIF	<i>Variance Inflation Factor</i>
W.P.	Wilayah Persekutuan

## BAB 1

### PENDAHULUAN

Bab ini memberi fokus kepada latar belakang dan permasalahan kajian, yang menjadi penyebab kepada tujuan kajian ini dilaksanakan. Ia kemudiannya disusuli dengan penjelasan mengenai objektif kajian, hipotesis, definisi istilah dan kepentingan kajian ini dijalankan. Bab pertama ini juga turut memberikan gambaran yang menyeluruh tentang penulisan kajian ini.

#### 1.1 Latar Belakang Kajian

Isu pemanasan global dan perubahan iklim disebabkan oleh aktiviti ekonomi manusia yang tidak terkawal menjadi fenomena yang sering dibincangkan dalam dekad ini. Kesan pemanasan global dan perubahan iklim yang tidak menentu menjadikan penduduk dunia diancam oleh bencana alam seperti banjir, ribut, cuaca panas melampau dan kemarau. Isu ini telah mendapat perhatian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (*United Nations*) apabila Panel Antara Kerajaan tentang Perubahan Iklim (IPCC) bersetuju bahawa 90% penyebab pemanasan global dan perubahan iklim sejak 50 hingga 60 tahun kebelakangan ini adalah disumbangkan oleh aktiviti ekonomi yang mengakibatkan pencemaran alam sekitar dan pelepasan karbon dioksida yang tinggi. Selain itu, pemanasan global dan perubahan iklim yang tidak menentu juga menjadi isu yang kritikal kepada penduduk dunia. Maka, persidangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai alam sekitar yang dikenali sebagai Sidang Kemuncak Bumi (*Earth Summit*) yang berlangsung di Rio de Janeiro pada tahun 1992 memberikan fokus untuk meningkatkan kesedaran antarabangsa kepada isu perlindungan alam sekitar dan pembangunan mampan sebagai agenda komuniti global. Pada tahun 2012, Sidang Kemuncak Bumi Rio20 telah memperkenalkan Agenda 21 iaitu garis panduan kepada negara-negara sedunia untuk melaksanakan pembangunan ekonomi mampan di negara masing-masing melalui pelan tindakan Matlamat Pembangunan Lestari (*Sustainable Development Goals, SDGs*) sebagai panduan supaya semua negara merencanakan pembangunan ekonomi mampan menjelang tahun 2030 (UNDP, 2016).

Di Malaysia, usaha untuk pembangunan mampan telah diberikan perhatian sejak Deklarasi Langkawi pada tahun 1989 dalam Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Negara Komanwel melalui Rancangan Malaysia Malaysia Ke-6 (RMK-6) dan berterusan hingga Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11). Dasar Alam Sekitar Negara yang digubal dalam Rancangan Malaysia Ke-8 (RMK-8) telah menggariskan strategi-strategi untuk menggerakkan hala tuju pembangunan mampan. Dasar Alam Sekitar Negara bertujuan mengintegrasikan kesejahteraan alam sekitar ke dalam aktiviti pembangunan dan proses membuat

keputusan yang berkaitan, memupuk pertumbuhan ekonomi serta kemajuan dalam jangka panjang serta untuk melindungi dan memperbaiki alam sekitar. Dalam Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK-9) pula, kerajaan telah menetapkan Teras Keempat dalam Misi Nasional untuk meningkatkan tahap dan kemampuan kualiti hidup. Kerajaan terus menyokong dan memberikan komitmen sepenuhnya terhadap Matlamat Pembangunan Lestari (*Sustainable Development Goals, SDGs*) dengan mewujudkan Sekretariat *Sustainable Consumption and Production (SCP)* dan turut menyediakan Dasar Perubahan Iklim Negara kepada agensi kerajaan, industri, komuniti serta pihak berkepentingan untuk menguruskan cabaran perubahan iklim secara bersepadu sejak Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10). Dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11), antara strategi kerajaan untuk menyokong pertumbuhan hijau dan pembangunan mampan adalah dengan mempromosikan tingkah laku hijau seperti penjimatan tenaga elektrik melalui perubahan tingkah laku penjawat awam di bangunan-bangunan kerajaan (*NRE, 2015*) dan menggalakkan aktiviti kitar semula di semua organisasi pentadbiran sektor awam dengan memperkenalkan program pembudayaan hijau melalui Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA).

Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) yang diperkenalkan pada tahun 2014 oleh Institut Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) berhasrat untuk memperkukuhkan budaya organisasi berprestasi tinggi dan inovatif dalam kalangan agensi-agensi sektor awam melalui penyediaan persekitaran, budaya kerja serta nilai yang menjadi amalan seluruh warga agensi sektor awam serta menggalakkan aktiviti ke arah mewujudkan persekitaran hijau melalui pembudayaan amalan hijau. Selain menggalakkan penjawat awam bertingkah laku hijau di pejabat, secara tidak langsung program EKSA dapat meningkatkan kesedaran dan pengetahuan penjawat awam berkenaan aktiviti hijau seperti penjimatan sumber dan program kitar semula di pejabat serta mewujudkan persekitaran pejabat yang menyokong pembudayaan hijau. Menurut Jayaeswari (2014) individu yang mempunyai pengetahuan hijau adalah individu yang mempunyai pengetahuan penggunaan sumber dan barangan dengan cara yang mesra alam sekitar dan berupaya melupuskan barangan tersebut tanpa membahayakan persekitaran merupakan individu yang bertingkah laku hijau.

Selain penyuburan budaya hijau di pejabat melalui Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA), kerajaan melalui Perbadanan Putrajaya turut melaksanakan pelbagai program yang menjurus kepada pembangunan mampan. Program-program yang dilaksanakan selaras dengan konsep *Local Agenda 21 (LA21)* melibatkan perkongsian pintar serta kesepakatan antara Perbadanan Putrajaya, wakil komuniti, agensi kerajaan dan sektor swasta. Program bersepadu kitar semula merupakan program 3R yang dijalankan oleh Perbadanan Putrajaya untuk menjadikan Putrajaya sebagai perbandaran hijau menjelang tahun 2025. Salah satu program kutipan bahan kitar semula dikenali sebagai program *Wastewise* merupakan program kitar semula yang dijalankan di pejabat kerajaan, pejabat swasta, hotel dan pusat komersil. Program ini mencatatkan kutipan tertinggi iaitu 52% daripada berat keseluruhan bahan kitar semula di

Putrajaya pada tahun 2017. Ini menunjukkan pembudayaan hijau dalam organisasi dan pejabat di Putrajaya berada pada tahap yang positif.

Perubahan tingkah laku hijau di pejabat dalam kalangan penjawat awam mampu dijadikan pemangkin dan langkah permulaan terhadap pelaksanaan dasar-dasar berkenaan pertumbuhan hijau negara yang telah diperkenalkan oleh kerajaan. Ones dan Dilchert (2012) menyatakan tingkah laku hijau di pejabat merupakan aktiviti dalam pejabat yang dilakukan oleh pekerja di organisasi untuk menyokong kesejahteraan alam sekitar. Kirkwood dan Walton (2014) menyatakan bahawa terdapat beberapa program dan aktiviti pejabat yang mesra alam sekitar antaranya program kitar semula, polisi hijau, meminimalkan bahan buangan sisa pepejal, tindakan mengurangkan penggunaan tenaga elektrik, menggunakan teknologi hijau bagi konservasi tenaga elektrik, meminimalkan penggunaan air dan menggunakan semula bahan terpakai. Malahan penggunaan peralatan pejabat yang dilengkapi dengan teknologi yang mesra alam sekitar di pejabat hanya boleh dioptimumkan dengan perubahan tingkah laku pekerja dalam organisasi (Baddeley, 2011).

Walaupun terdapat usaha kerajaan dalam menggalakkan pembudayaan hijau di pejabat dan mewujudkan persekitaran pejabat yang mesra kepada alam sekitar, tetapi jika tingkah laku hijau di pejabat dalam kalangan penjawat awam tidak seperti yang diharapkan maka pembudayaan hijau di tempat kerja tidak akan berjaya. Perubahan tingkah laku hijau di pejabat dalam penjawat awam akan mewujudkan norma sosial dalam organisasi yang mementingkan kesejahteraan alam sekitar dan meningkatkan sikap dan tanggapan yang positif kepada tingkah laku hijau. Menurut Homburg dan Stolberg (2006), tingkah laku hijau dalam organisasi juga dipengaruhi oleh tingkah laku yang dipamerkan oleh majikan atau pegawai di peringkat pengurusan. Kajian beliau mendapati pengurus yang bertingkah laku hijau akan mempengaruhi pekerja di peringkat bawahan untuk turut sama bertingkah laku hijau dan seterusnya mewujudkan norma sosial yang positif dalam pembudayaan hijau organisasi.

Selain itu, pengetahuan mengenai faedah atau kepentingan tingkah laku hijau di pejabat akan membawa kepada kecenderungan penjawat awam untuk bertingkah laku hijau (Li et al, 2019). Kajian lepas juga mendapati bahawa niat tingkah laku hijau pekerja dalam organisasi turut dipengaruhi oleh kecenderungan dan sokongan pembudayaan hijau dalam organisasi seperti penyediaan garis panduan berkenaan aktiviti kitar semula di pejabat dan kempen hijau yang berterusan (Chan et al., 2014; Lee, Hsu, Han, & Kim, 2010).

Justeru itu, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti faktor penentu yang mempengaruhi tingkah laku hijau di pejabat dalam kalangan penjawat awam di

mana organisasi pentadbiran awam menyediakan garis panduan pembudayaan hijau di pejabat.

## 1.2 Kenyataan Masalah.

Isu permasalahan alam sekitar merupakan isi global yang bukan hanya tertumpu di negara-negara luar malah turut berlaku di Malaysia. Malaysia turut berhadapan dengan krisis alam sekitar akibat daripada sikap acuh tidak acuh masyarakat terhadap kepentingan kesejahteraan dan kemampuan alam sekitar terutama dalam soal berkaitan tingkah laku hijau.

Statistik pada tahun 2017 daripada Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) menunjukkan rakyat Malaysia menghasilkan sejumlah 37,890 sisa tan setiap hari dengan sekurang-kurangnya 1.17kg dijana bagi setiap individu. Walau bagaimanapun, kadar kitar semula menunjukkan hanya 24% sahaja sisa yang dikitar semula. Statistik daripada Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp, 2017) melaporkan sejumlah 3 juta tan sisa pepejal dilupuskan sepanjang tahun 2017 dan hanya sejumlah 2,258.05 tan sahaja sisa kitar semula yang dikutip (SWCorp, 2017) . Sisa kitar semula yang dikutip terdiri daripada kertas (40.24%), plastik (30.49%), besi (11.53%), kaca (11.04%), e-waste (0.95%), aluminium (0.48%) dan lain-lain (5.3%).

Jumlah ini semakin bertambah dari masa ke semasa. Jika sisa ini tidak dikitar semula ianya akan menyebabkan pencemaran terhadap alam sekitar. Bagi tempat kerja di sektor komersil dan di pejabat pentadbiran awam, hanya 67.8% organisasi melakukan aktiviti kitar semula dan 32.2% organisasi tidak melakukan aktiviti kitar semula. Sisa pepejal yang dikitar semula dari sektor pentadbiran awam adalah kertas terpakai (60.6%), surat khabar (30.5%), kertas keras (6.4%) dan lain-lain seperti plastik, aluminium dan kaca. Secara purata dilaporkan bahawa setiap orang penjawat awam menghasilkan sejumlah 1.02kg sisa pepejal setiap hari (Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 2013) dan meningkat kepada 1.17kg (Jain, 2017). Jumlah ini adalah ketiga tertinggi dalam kalangan negara di Asia Tenggara selepas Singapura (3.76kg) dan Brunei (1.4kg) (Jain, 2017).

Seterusnya, jumlah sisa pepejal yang dijana pada tahun 2017 di W.P Putrajaya adalah sebanyak 28,903,840kg menunjukkan penurunan sebanyak 2 peratus berbanding pada 29,360,290kg pada tahun 2016. Dalam menyahut seruan kerajaan untuk mengurangkan pembuangan sisa pepejal serta memenuhi sasaran kadar kitar semula kebangsaan 24%, Perbadanan Putrajaya telah melaksanakan 22 program bersepadu kitar semula yang melibatkan komuniti Putrajaya di antaranya program kutipan kitar semula bergerak, Butik Kitar Semula, Program *Wastewise* dan Program Kits (sekolah).

Berdasarkan jenis program kitar semula yang telah dilaksanakan, program *Wastewise* mencatatkan kutipan tertinggi iaitu 52% daripada berat keseluruhan bahan kitar semula. Secara purata, jumlah bahan kitar semula yang dikumpulkan pada setiap bulan tahun 2017 adalah sebanyak 208.58 kg. Program *Wastewise* merupakan program kitar semula yang dijalankan di pejabat kerajaan, pejabat swasta, hotel dan pusat komersil di Putrajaya. Jenis bahan kitar semula yang tertinggi adalah kertas (79%), plastik (11%), besi aluminium (7%), minyak masak terpakai (2%) dan bahan organik (1%). Secara keseluruhannya, jumlah bahan kitar semula yang dikumpulkan pada tahun 2017 adalah sebanyak 2,503 tan. Jumlah ini adalah meningkat 5% berbanding tahun 2016 iaitu sebanyak 2,382 tan. Namun begitu, kadar kitar semula hanya 8% daripada 2,503 tan metrik sisa pepejal yang dikutip di Putrajaya.

Oleh yang demikian, terdapat jurang yang ketara antara kadar kutipan bahan kitar semula di Putrajaya iaitu 8% berbanding dengan kadar kitar semula kebangsaan sebanyak 24% (SWCorp, 2017). Maka, punca perbezaan tingkah laku kitar semula yang ketara ini perlu dikenal pasti memandangkan sebahagian besar penduduk di Putrajaya adalah terdiri daripada penjawat awam yang bertugas di kementerian dan jabatan kerajaan di Putrajaya. Tingkah laku hijau dalam kalangan penjawat awam perlu dikenalpasti bagi supaya hasrat kerajaan untuk melonjakkan pertumbuhan hijau dalam negara dihayati dan dilaksanakan sejajar dengan galakkan untuk tingkah laku hijau dalam kalangan penjawat awam.

Tingkah laku hijau tidak hanya tertumpu kepada pembuangan sisa pepejal sahaja, malah tingkah laku hijau juga meliputi penggunaan mampan tentang bagaimana individu perlu mengurus sumber terhad bagi menjamin kesejahteraan ekonomi dan sosial sebagai contohnya menggunakan air dan tenaga elektrik dengan berhemat (Hamdan & Diana, 2018). Tingkah laku individu dalam penggunaan sumber dan tenaga elektrik memberi kesan langsung kepada isu-isu alam sekitar seperti pemanasan global dan perubahan iklim (Karl & Trenberth, 2003). Kebanyakan kajian lepas berkaitan tingkah laku hijau dijalankan dalam kalangan masyarakat umum dan kajian tingkah laku hijau terhadap pekerja di pejabat atau dalam organisasi amat jarang dilakukan (Robertson & Barling, 2017). Menurut Vlek dan Steg (2007) tingkah laku individu di pejabat antara penyumbang kepada kesan positif atau negatif terhadap kesejahteraan alam sekitar. Ini kerana sebagai individu yang menghabiskan masa sekurang-kurangnya selama lapan jam iaitu satu per tiga masa setiap hari di pejabat, tingkah laku hijau di pejabat mampu meminimalkan kesan negatif terhadap alam sekitar (Lülfes & Hahn, 2013; Blok et al, 2015; Lu, et al, 2017).

Dalam usaha menyuburkan pembangunan mampan di Malaysia, kerajaan berhasrat merealisasikan W.P. Putrajaya sebagai bandar hijau pentabiran yang mampan menjelang tahun 2030 sebagai model perbandaran hijau di Malaysia selaras dengan komitmen kerajaan dalam Persidangan Perubahan Iklim

Bangsa-Bangsa Bersatu 2015 (UNFCCC, 2015) untuk menjadikan perbandaran di Malaysia yang berkarbon rendah dan berteraskan ekonomi hijau. Justeru itu, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air memperkenalkan sistem berasaskan prestasi yang dikenali sebagai Rangka Kerja Bandaraya Karbon Rendah (LCCF) dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10) sebagai panduan kepada pihak berkuasa tempatan merealisasikan perbandaran hijau yang rendah karbon. Oleh yang demikian, Kementerian Wilayah dan Perbadanan Putrajaya (PPj) dipertanggungjawab dalam perancangan dan pelaksanaan bagi pembangunan di W.P. Putrajaya sebagai perintis bandar hijau menjelang tahun 2030. Kesenambungan Rangka Kerja Bandaraya Karbon Rendah (LCCF), Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) pada tahun 2019 melancarkan Cabaran Bandar Rendah Karbon (LCC2030C) mempercepatkan transformasi bandar-bandar di Malaysia ke arah bandar hijau yang berkarbon rendah di seluruh Malaysia.

Kementerian Wilayah telah mengeluarkan larangan penggunaan polistrina untuk bekas makanan dan cawan minuman di semua kafe dan premis makanan di Wilayah Persekutuan Putrajaya, Kuala Lumpur dan Labuan sejak Januari 2017 dan kempen larangan penggunaan penyedut minuman plastik mulai tahun 2018 bagi menggalakkan penggunaan produk biodegrasi dalam meningkatkan kesejahteraan alam sekitar dan menggalakkan aktiviti ekonomi mampan. Peniaga dan penjaja disarankan untuk menggunakan pembungkusan makanan dan minuman daripada produk biodegradasi yang mesra alam pelanggan. Kempen larangan penggunaan pembungkusan polistrin dan penyedut minuman plastik adalah salah satu strategi untuk mengurangkan sisa pepejal dan menggalakkan aktiviti kitar semula produk biodegrasi. Mulai tahun 2019, Jabatan Perdana Menteri juga mengeluarkan Surat Pekeliling Am Bil. 2 Tahun 2019 bertajuk Pelaksanaan Kempen Hindari Plastik Sekali Guna di Kementerian, Agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri sebagai panduan untuk mengurangkan sisa pepejal plastik di pejabat kerajaan.

Selain itu, bagi meningkatkan kesedaran kesejahteraan alam sekitar dalam kalangan penjawat awam, kerajaan berhasrat untuk memupuk pembudayaan hijau di pejabat melalui kempen hijau sebagai sub-program Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) agar penggunaan sumber dan tenaga di pejabat secara optimum dapat dilaksanakan sekaligus mendorong tingkah laku hijau di pejabat dalam kalangan penjawat awam.

Tingkah laku hijau di pejabat kerajaan bukan sahaja signifikan untuk kesejahteraan alam sekitar tetapi juga menjimatkan kos utiliti dalam perbelanjaan awam. Kerajaan mampu berjimat sehingga RM100 juta setahun jika kesemua premis kerajaan menetapkan suhu menetapkan julat suhu pendingin hawa pada paras 24 darjah celsius sepanjang hari operasi (CETREE, 2013). Pada tahun 2013, Kementerian Kewangan mengeluarkan Garis Panduan Mengoptimumkan Perbelanjaan Awam dengan salah satu langkah penjimatan

adalah pengurangan sebanyak 5 peratus kepada peruntukan perbelanjaan elektrik di semua premis kerajaan.

Seterusnya, tingkah laku hijau di pejabat boleh ditingkatkan melalui peningkatan pengetahuan dan kefahaman pekerja berkaitan tingkah laku hijau. Chan et al., (2014) dalam kajiannya mendapati pengetahuan hijau merupakan faktor yang paling mempengaruhi tingkah laku hijau di pejabat. Ini kerana apabila para pekerja mempunyai pengetahuan hijau mengenai aktiviti pejabat yang mesra alam sekitar, ia akan mempengaruhi komitmen mereka dalam melaksanakan aktiviti mesra alam di pejabat. Menurut Tudor et al., (2007) semakin tinggi tahap pengetahuan hijau pekerja berkenaan isu bahan buangan seperti kitar semula, pekerja akan lebih bertingkah laku hijau. Ones, Wiernik, Stephen dan Rachel (2015) merumuskan bahawa pengetahuan hijau merupakan faktor utama dalam mempengaruhi tingkah laku hijau individu selain daripada faktor yang lain seperti sikap, personaliti, norma sendiri dan galakan daripada organisasi.

Kebanyakan kajian lepas mendapati bahawa pengetahuan akan mendorong individu untuk bertingkah laku hijau (Abrahamse & Matthies, 2012; Hoffmann & Muttrarak, 2015; Lidew et al., 2016; Negar, Md. Shahadar & Rehana, 2017; Wan Rohaya & Zuroni, 2013; Zuroni, Bukryman & Paim, 2010) dan seterusnya dapat memupuk rasa tanggungjawab untuk melindungi kesejahteraan alam sekitar (Bamberg & Möser, 2007). Namun, pengetahuan semata-mata tidak semestinya menjadikan individu bertingkah laku hijau (Kollmuss & Agyeman, 2002) seperti mana kajian Ahmad et al. (2015) yang mendapati individu yang mempunyai pengetahuan berkenaan isu alam sekitar tidak semestinya melakukan aktiviti mengitar semula bahan buangan. Kajian Wang et al. (2015) juga mendapati tahap pengetahuan berkenaan isu alam sekitar yang tinggi berkenaan kesan pencemaran udara kepada kesihatan tidak semestinya membuatkan mereka bertingkah laku hijau untuk mengurangkan pencemaran udara. Paço dan Lavrador (2017) turut mendapati bahawa tiada perkaitan antara pengetahuan dan tingkah laku hijau dalam aspek penggunaan tenaga dalam kalangan responden. Selain pengetahuan, tingkah laku individu dipengaruhi beberapa faktor lain seperti sikap, norma subjektif dan tanggapan kawalan tingkah laku (Oke, 2015; Aziz, 2018) serta niat sebagai pengantara kepada tingkah laku individu.

Menurut Oke (2015) sikap yang positif terhadap kesejahteraan alam sekitar merupakan pendorong utama individu untuk bertingkah laku hijau. Sharma (2014) mendapati sikap positif kepada alam sekitar dalam kalangan pekerja akan mendorong kepada perubahan tingkah laku hijau dalam organisasi mereka. Kajian oleh Paguigan dan Jacinto (2018) turut mendapati sikap yang positif mendorong tingkah laku hijau dalam kalangan warga universiti serta menyokong kempen hijau yang dilancarkan oleh pihak pentadbiran universiti. Selain itu, sikap juga mempunyai perkaitan yang positif kepada niat dan seterusnya mendorong kepada tingkah laku hijau individu (Ling, Tong, & Ahmed, 2018).



Bagaimanapun, terdapat juga kajian lepas yang mendapati sikap positif kepada alam sekitar tidak semestinya mendorong individu untuk bertingkah laku hijau seperti mana Kajian Ning, Zhuomin dan Zaoying (2016) yang mendapati sikap yang positif tidak mempunyai perkaitan kepada tingkah laku hijau dalam kalangan responden. Ia turut disokong oleh kajian Paço dan Lavrador (2017) yang mendapati sikap positif kepada tingkah laku hijau mempunyai perkaitan yang lemah kepada tingkah laku hijau. Dapatan kajian lepas menunjukkan perkaitan yang tidak konsisten antara sikap yang positif kepada tingkah laku hijau. Sehubungan itu, kajian ini berhasrat untuk mengenal pasti sama ada sikap yang positif kepada tingkah laku hijau mempunyai perkaitan dan mempengaruhi tingkah laku hijau di pejabat dalam kalangan penjawat awam di Malaysia untuk mengenalpasti adakah sikap yang positif mendorong kepada tingkah laku hijau di pejabat dalam konteks pentadbiran awam.

Selain sikap, norma subjektif turut mempengaruhi tingkah laku hijau individu dan ini disokong oleh kajian Oke (2015) turut mendapati bahawa norma subjektif merupakan antara faktor yang mempengaruhi tingkah laku hijau di organisasi dalam kalangan individu. Kajian Yean, Johari dan Mohd Sukery (2015) juga mendapati norma subjektif dan sikap mempengaruhi niat pekerja dalam organisasi tempat kerja. Menurut Wesselink, Blok dan Ringersma (2017) menerusi kajian mereka dalam kalangan pekerja mendapati norma subjektif mempengaruhi niat dan tingkah laku hijau di pejabat. Norma subjektif merupakan faktor yang mempengaruhi tingkah laku individu kerana individu memerlukan sokongan dan mengambil berat pandangan orang di sekeliling ke atas tingkah laku mereka (Ajzen, 1991).

Seterusnya, tanggapan kawalan tingkah laku juga merupakan faktor yang mempengaruhi niat dan tingkah laku hijau dalam organisasi (Davis, O'Callaghan, & Knox, 2009). Kajian tingkah laku hijau oleh Ling et al. (2018) mendapati tanggapan kawalan tingkah laku mempunyai perkaitan yang positif kepada niat untuk aktiviti kitar semula dalam kalangan responden. Ianya disokong oleh kajian Banwo dan Du (2019) yang turut mendapati tanggapan kawalan tingkah laku mempengaruhi tingkah laku hijau dalam kalangan pekerja dalam organisasi. Namun, terdapat juga kajian lepas yang mendapati bahawa tanggapan kawalan tingkah laku tidak mempengaruhi niat pekerja dalam organisasi tempat kerja (Yean et al., 2015; Wesselink et al., 2017). Selain itu, kekurangan kajian berkenaan tanggapan kawalan tingkah laku yang mendorong tingkah laku dalam organisasi menyebabkan faktor tanggapan kawalan tingkah laku perlu dikaji dan dikenal pasti peranannya dalam mempengaruhi tingkah laku hijau di pejabat dalam kalangan penjawat awam.

Menurut Goa dan Kosma (2008) niat berperanan sebagai pengantara kepada tingkah laku individu. Mafabi et al. (2017) mendapati niat memainkan peranan sebagai pengantara yang signifikan dalam hubungan di antara sikap, norma subjektif dan tanggapan kawalan tingkah laku terhadap tingkah laku individu. Dapatan kajian Chaundry dan Bisai (2018) turut mendapati niat pembelian hijau

mempunyai kesan sebagai pengantara dalam hubungan antara tanggapan kawalan tingkah laku dan tingkah laku pembelian hijau individu dan niat juga dikenalpasti merupakan peramal yang signifikan kepada tingkah laku hijau individu (Ling et al., 2018). Sehubungan itu, kajian ini mengkaji sama ada wujudnya kesan niat untuk tingkah laku hijau sebagai pengantara kepada tingkah laku hijau di pejabat dalam kalangan penjawat awam.

Kesimpulannya, tingkah laku hijau di pejabat dalam kalangan penjawat awam perlu diberi perhatian bagi menyokong hasrat kerajaan menggalakkan pembudayaan hijau dalam organisasi pentadbiran awam dan seterusnya mengurangkan kesan negatif akibat pencemaran alam sekitar. Justeru itu, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti faktor penentu yang mempengaruhi tingkah laku hijau di pejabat dalam kalangan penjawat awam di W.P. Putrajaya.

### **1.3 Persoalan Kajian**

Kajian ini ingin mengkaji faktor penentu tingkah laku hijau di pejabat dalam kalangan penjawat awam. Persoalan kajian yang ingin dijawab adalah seperti berikut:

1. Apakah tahap pengetahuan terhadap tingkah laku hijau, sikap terhadap tingkah laku hijau, norma subjektif, tanggapan kawalan tingkah laku, niat untuk tingkah laku hijau dan tingkah laku hijau dalam kalangan penjawat awam di W.P. Putrajaya?
2. Adakah terdapat hubungan antara pengetahuan terhadap tingkah laku hijau, sikap terhadap tingkah laku hijau, norma subjektif, tanggapan kawalan tingkah laku, niat untuk tingkah laku hijau terhadap tingkah laku hijau di pejabat dalam kalangan penjawat awam di W.P. Putrajaya?
3. Bagaimana kesan pengantara niat untuk tingkah laku hijau terhadap hubungan antara sikap terhadap tingkah laku hijau, norma subjektif dan tanggapan kawalan tingkah laku dengan tingkah laku hijau dalam kalangan penjawat awam di W.P. Putrajaya?
4. Apakah faktor penentu yang mempengaruhi tingkah laku hijau di pejabat dalam kalangan penjawat awam di W.P. Putrajaya?

## **1.4 Objektif Kajian**

### **1.4.1 Objektif Am**

Secara amnya, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti faktor penentu tingkah laku hijau di pejabat dalam kalangan penjawat awam.

### **1.4.2 Objektif Khusus:**

1. Mengukur tahap pengetahuan terhadap tingkah laku hijau, sikap terhadap tingkah laku hijau, norma subjektif, tanggapan kawalan tingkah laku, niat untuk tingkah laku hijau dan tingkah laku hijau di pejabat dalam kalangan penjawat awam di W.P. Putrajaya.
2. Menentukan hubungan antara pengetahuan terhadap tingkah laku hijau, sikap terhadap tingkah laku hijau, norma subjektif, tanggapan kawalan tingkah laku, niat untuk tingkah laku hijau dengan tingkah laku di pejabat dalam kalangan penjawat awam di W.P. Putrajaya.
3. Mengukur kesan pengantara niat untuk tingkah laku hijau di pejabat terhadap hubungan sikap terhadap tingkah laku hijau, norma subjektif dan tanggapan kawalan tingkah laku dengan tingkah laku hijau di pejabat dalam kalangan penjawat awam di W.P. Putrajaya.
4. Menentukan sama ada faktor pengetahuan terhadap tingkah laku hijau, sikap terhadap tingkah laku hijau, norma subjektif, tanggapan kawalan tingkah laku, niat untuk tingkah laku mempengaruhi tingkah laku hijau di pejabat dalam kalangan penjawat awam di W.P. Putrajaya.

## **1.5 Hipotesis**

Sebanyak sebelas hipotesis kajian dibina selari dengan objektif kajian seperti berikut:

- H1<sub>a</sub>: Terdapat hubungan yang signifikan di antara pengetahuan terhadap tingkah laku hijau dengan tingkah laku hijau di pejabat dalam kalangan penjawat awam di W.P. Putrajaya.
- H1<sub>b</sub>: Terdapat hubungan yang signifikan di antara sikap terhadap tingkah laku hijau dengan tingkah laku hijau di pejabat dalam kalangan penjawat awam di W.P. Putrajaya.
- H1<sub>c</sub>: Terdapat hubungan yang signifikan di antara norma subjektif dengan tingkah laku hijau di pejabat dalam kalangan penjawat awam di W.P. Putrajaya.

- H1<sub>a</sub> Terdapat hubungan yang signifikan di antara tanggapan kawalan tingkah laku dengan tingkah laku hijau di pejabat dalam kalangan penjawat awam di W.P. Putrajaya.
- H1<sub>e</sub> Terdapat hubungan yang signifikan di antara niat untuk bertingkah laku hijau di pejabat dengan tingkah laku hijau di pejabat dalam kalangan penjawat awam di W.P. Putrajaya.
- H2<sub>a</sub> Niat untuk tingkah laku hijau di pejabat merupakan pengantara bagi hubungan di antara sikap terhadap tingkah laku hijau dengan tingkah laku hijau di pejabat dalam kalangan penjawat awam di W.P. Putrajaya.
- H2<sub>b</sub> Niat untuk tingkah laku hijau di pejabat merupakan pengantara bagi hubungan di antara norma subjektif dengan tingkah laku hijau di pejabat dalam kalangan penjawat awam di W.P. Putrajaya.
- H2<sub>c</sub> Niat untuk tingkah laku hijau di pejabat merupakan pengantara bagi hubungan di antara tanggapan kawalan tingkah laku dengan tingkah laku hijau di pejabat dalam kalangan penjawat awam di W.P. Putrajaya.
- H3: Pengetahuan terhadap tingkah laku hijau, sikap terhadap tingkah laku hijau, norma subjektif, tanggapan kawalan tingkah laku, niat tingkah laku hijau merupakan faktor penentu dalam tingkah laku hijau di pejabat dalam kalangan penjawat awam di W.P. Putrajaya.

## 1.6 Skop Kajian

Kajian ini melibatkan penjawat awam yang bertugas di W.P. Putrajaya sahaja. Pemilihan W.P. Putrajaya sebagai lokasi kajian memandangkan ia adalah pusat pentadbiran kerajaan persekutuan yang menempatkan sebahagian besar kementerian dan ibu pejabat jabatan. Perubahan tingkah laku hijau di peringkat kementerian dan ibu pejabat jabatan akan mempengaruhi cawangan dan jabatan kecil di negeri dan daerah. Justeru itu, perubahan tingkah laku hijau yang sama akan terlaksana melalui pengedaran garis panduan yang berkuatkuasa serta mempengaruhi tingkah laku keseluruhan penjawat awam. Selain itu, kerajaan memberikan komitmen untuk menjadikan Putrajaya sebagai model perbandaran hijau menjelang tahun 2025. Justeru itu, Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) telah memberikan komitmen kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (*United Nation*) untuk melaksanakan pembudayaan hijau dan perubahan tingkah laku hijau dalam kalangan penjawat awam di semua bangunan kementerian di W.P. Putrajaya (*Biennial Update Report To The UNFCCC*, 2015).

## **1.7 Limitasi Kajian**

Kajian ini tidak melibatkan kesemua 23 kementerian yang terdapat di W.P. Putrajaya namun hanya melibatkan lima kementerian sahaja. Jumlah sampel pula adalah seramai 460 orang responden yang terdiri daripada penjawat awam pelbagai gred yang bertugas di W.P. Putrajaya. Ketepatan analisis dan data adalah bergantung sepenuhnya kepada kejujuran jawapan yang diberikan oleh responden dan kesediaan responden mendedahkan maklumat sebenar yang mempengaruhi dapatan akhir kajian. Instrumen pengukuran tingkah laku hijau dalam kajian ini telah diubahsuai daripada instrumen kajian lepas untuk diselaraskan dengan konteks kajian iaitu tingkah laku hijau dalam organisasi pentadbiran awam di Malaysia dan objektif kajian.

## **1.8 Kepentingan Kajian**

